

Penjual kuih dipenjara lapan tahun cederakan isteri dengan kayu

# Peniaga pukul bini di rumah sewa

memukul mangsa dengan teruk atas alasan yang tidak munasabah," hujahnya.

Terdahulu, tertuduh dalam rayuan merayu supaya hukuman penjara dikurangkan atas alasan sudah insaf dan ingatan pada anak tunggalnya semakin kuat sepanjang ditahan pihak polis. Tertuduh juga memohon hukumannya diringkaskan kerana ia merupakan kesalahan jenayah yang pertama.

Hakim Nazri kemudian memerintahkan tertuduh dihantar ke Penjara Pengkalan Chepa di sini bermula dari tarikh dia ditangkap pada 22 Mei 2016.

Berdasarkan fakta kes, Nik Ummi Amirah membuat laporan polis selepas dipukul tertuduh ekoran salah faham dan pertengkaran mulut antara mereka.

Tertuduh yang gagal mengawal emosi kemudian memukul mangsa dengan sebatang kayu pada lengan kedua-dua belah tangan dan anggota tubuh badan yang lain. Perkara ini kerap berlaku jika mangsa enggan memenuhi keperluannya.

Hasil pemeriksaan di hospital, doktor mengesahkan terdapat kesan lebam pada anggota badan terutamanya pada kedua-dua belah tangan, kaki, belakng badan serta punggung mangsa.

Kejadian itu turut mengakibatkan jari telunjuk dan tulang tangan kiri mangsa patah selain bengkok serta sakit pada jari telunjuk dan pergelangan tangan kiri.

**KOTA BHARU** - Perbuatan dayus seorang penjual kuih memukul isterinya hingga parah dengan sebatang kayu berbalas apabila dia dihukum penjara lapan tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Nazri Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap Zulazman Raml, 32, selepas tertuduh mengaku bersalah di atas dakwaan tersebut.

Zulazman didakwa sengaja memukul isterinya, Nik Ummi Amirah Rosli, 32, menggunakan sebatang kayu di rumah sewa No.7, belakang Pasar Raya Laloh, dekat Kuala Krai pada pukul 3.15 petang, 19 Mei lalu.

Pukulan itu mengakibatkan jari telunjuk dan tulang tangan kiri wanita itu patah selain lebam di seluruh badan.

Dia didakwa mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan denda atau sebatan jika sabit bersalah.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Alias manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Siti Hajar mencadangkan supaya tertuduh dikenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran agar tertuduh insaf dan tidak mengulangi kejadian tersebut di masa hadapan.

"Sebagai suami, tertuduh sepatutnya membela dan menjaga isterinya tetapi tertuduh tergamak

Sebagai suami, tertuduh sepatutnya membela dan menjaga isterinya tetapi tertuduh tergamak memukul mangsa dengan teruk atas alasan yang tidak munasabah - Timbalan Pendakwa Raya

**SITI HAJAR ALIAS**

**INFO Suami pukul isteri**

**13 September 2014** - Seorang peniaga pasar malam didenda RM1,800 oleh Mahkamah Majistret Kuala Lumpur kerana gara menumbuk isterinya sehingga berdarah ketika bertengkar.


**6 Mei 2014** - Seorang wanita cedera parah di kepala, retak tulang pipi kiri dan patah jari kanan apabila diserang dan dibelasah oleh suaminya yang panas baran di Pangsapuri Seri Nilam, Ampang Jaya, Selangor.

**6 Mac 2014** - Seorang penganggur dihukum penjara setahun oleh Mahkamah Majistret, Kota Bharu kerana membelasah isterinya yang enggan memberinya wang.

**12 Februari 2014** - Seorang penganggur dipenjarakan lapan tahun dan tiga kali sebat oleh Mahkamah Sesyen Rasah, Negeri Sembilan kerana mengelar wajah dan tubuh isterinya menggunakan pisau lipat.

**1 Februari 2014** - Seorang penagih dadah bertindak kejam apabila memukul isterinya menggunakan belakang kapak dan menjerutnya menggunakan rantai besi mengikat beruk selepas wanita itu enggan memberinya wang RM100 untuk membeli dadah di Kota Bharu, Kelantan.

Kosmo  
9/11/16  
MLS-3



KOMPLEKS Mahkamah Tinggi yang menempatkan Mahkamah Sesyen Kota Bharu.



ZULAZMAN diiring keluar dari Mahkamah Sesyen Kota Bharu selepas dijatuhi hukuman penjara lapan tahun kerana memukul isterinya pada 19 Mei lalu.



KAWASAN rumah sewa Nik Ummi Amirah di belakang Pasar Raya Laloh yang menjadi tempat dia dipukul suaminya pada 19 Mei lalu.